

melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia (AKM) 1998. Mana-mana pihak yang didapati menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik termasuklah menyiarkan perkara sensitif yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama, boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 211 dan 233.

Selain daripada AKM98, undang-undang lain seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Jenayah Komputer dan lain-lain turut digunapakai bagi menangani perlakuan tanpa mengambil kira platform yang digunakan termasuklah media sosial.

SKMM turut mengambil langkah mendidik dan meningkatkan kesedaran pengguna Internet tentang kepetingan penggunaan Internet secara positif serta mengamalkan pengawalseliaan sendiri menerusi kempen 'Klik Dengan Bijak' dan kempen 'Media Sosial Sihat'.